

# Sidang China-ASEAN punyai makna bagi Abdullah

NANNING 30 Okt. - Sidang Kemuncak Peringatan China-ASEAN Ke-15 yang berlangsung di sini hari ini mempunyai makna tersendiri bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang sebenarnya turut memainkan peranan kepada bermulanya penglibatan dialog antara kedua-dua pihak.

Sejarah sidang kemuncak peringatan itu antara lain bertitik tolak daripada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN Ke-24 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 1991. Ketika itu, Abdullah adalah Menteri Luar dan merupakan pengerusi mesyuarat.

Atas kedudukannya itu, beliau telah mengundang Menteri Luar China ketika itu, Qian Qechen menghadiri mesyuarat tersebut. Kehadirannya itu mencatatkan sejarah dalam hubungan dialog China-ASEAN kerana ia merupakan kali pertama menteri luar negara tersebut hadir dalam forum dengan ASEAN.

Ketika mengimbas perkara itu pada sidang akhbar yang dihadiri wartawan Malaysia, Abdullah berkata, beliau gembira ketika mengundang menteri luar China pada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN ketika itu kerana mahu memberi ruang kepada kuasa Asia itu mendekati negara-negara ASEAN secara berkumpulan.

Kini, katanya, hubungan dialog China-ASEAN telah berkembang dan lebih erat dalam semua bidang kepentingan strategik terutama ekonomi dan keselamatan.

"Hubungan China-ASEAN semakin baik dan saya sangat gembira dengan pencapaian ini kalati dibandingkan 15 tahun yang lalu," katanya.

Peristiwa bermulanya hubungan dialog China-ASEAN itu pastinya kekal dalam catatan sejarah sidang kemuncak peringatan itu dengan menyaksikan peranan Malaysia dan juga Abdullah.

- Utusan